



SIARAN MEDIA

JABATAN HAL EHWAL VETERAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM, TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA, JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL : 03-2050800

FAKS : 03-26917564

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM) telah mengeluarkan kenyataan berikut:-

***SOFT LAUNCH PORTAL VIBES 2.0 GO LIVE* OLEH YB TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

Kuala Lumpur, 21 Jun 2023 – Yang Berhormat Tuan Haji Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah menyempurnakan ***SOFT LAUNCH PORTAL VIBES 2.0 GO LIVE*** bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Tekpi, Kuala Lumpur. Pada majlis tersebut, YB Tuan Haji Adly bin Zahari telah menyempurnakan gimik pelancaran **Portal Veteran Integrated Benefit System (VIBES) 2.0** yang telah dibangunkan untuk kemudahan Veteran ATM dan waris mereka. JHEV ATM sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya untuk memperkasa keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan Jabatan melalui inisiatif pendigitalan dan teknologi maklumat, terutamanya dengan pelaksanaan pembangunan *Veteran Integrated Benefit System (VIBES) 2.0*.

Pembangunan sistem VIBES 2.0 ini merupakan sistem teras Jabatan, selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MINDEF 2021 – 2025 : Memperkukuhkan perkhidmatan *end-to-end* (E2E) sistem ICT di Kementerian Pertahanan. Perkhidmatan dalam talian sepenuhnya ini akan menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan JHEV kepada Veteran ATM dan orang tanggungan mereka. Melalui sistem VIBES 2.0, keupayaan pengurusan, pemantauan dan pelaporan maklumat Veteran ATM dan waris akan lebih berkesan dan berintegriti. Selain itu, sistem yang dibangunkan tersebut akan menukar kaedah kerja konvensional melalui pengautomasian pemprosesan pelbagai perkhidmatan JHEV.

YB Timbalan Menteri Pertahanan mengucapkan syabas kepada YBrs Mej Jen Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dan

pasukannya yang bertungkus lumus berusaha membangunkan sistem ini. Portal VIBES 2.0 ini bakal memberikan manfaat kepada lebih 200,000 Veteran ATM dan waris mereka. Jika sebelum ini, Veteran ATM tidak mempunyai kemudahan untuk mengakses maklumat mereka, kini pelbagai kemudahan berkaitan kemaskini maklumat peribadi dan orang tanggungan, permohonan dan semakan bayaran berkaitan faedah persaraan, bantuan kebajikan, tuntutan perubatan, bantuan mengurus jenazah, baik pulih rumah, Kad Veteran, padanan pekerjaan, pengurusan persatuan Veteran-veteran ATM dan lain-lain bantuan yang diumumkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa dalam satu portal.

Dalam memastikan keselamatan pengguna, sistem VIBES 2.0 turut dilengkapi dengan teknologi keselamatan terkini. Setiap pengguna memerlukan pengesahan identiti secara elektronik sebelum membuat sebarang urusan termasuk dengan cara pengesahan emel dan nombor telefon semasa pendaftaran akaun pengguna. Oleh itu, para Veteran ATM dan orang tanggungan tidak perlu bimbang untuk menggunakan kemudahan dalam VIBES 2.0. Segala transaksi adalah mudah, cepat, selamat dan terjamin. Segala bentuk maklumat boleh diakses di mana sahaja dengan menggunakan pelbagai peranti.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBrs Mej Jen Zambery Jefry, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Pegawai Tentera dan Awam, wakil persatuan-persatuan Veteran ATM dan pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Kapt Mohammad Asyraf bin Mohd Ameran TUDM, Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV (019-208 1023)** atau **Muhammad Izzat Siraj Bin Mohd Iyas Zainal Ravi, Pegawai Perhubungan Awam JHEV (017-965 3755).**

JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
KEMENTERIAN PERTAHANAN
21 JUN 2023